



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2018](#) [Petikan Akhbar](#) [Utusan Malaysia - Pamer Perbezaan Harga](#)

Utusan Malaysia - Pamer Perbezaan Harga

Selasa, Sep 04 2018



Pamer perbezaan harga

um 4/9

■ KUALA LUMPUR 3 SEPT.

KERAJAAN digesa meningkatkan pemantauan serta penguatkuasaan terhadap pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) bagi mengelakkan rakyat daripada terus diperdayakan oleh peniaga tidak bertanggungjawab.

Perkara itu disuarakan oleh Ahli Dewan Negara, Senator Khairul Azwan Harun yang mendapati sejak SST mula dilaksanakan kelmarin, masih ramai peniaga tidak mempamerkan tanda harga barangan dijual.

Beliau berpandangan, sewajarnya dipamerkan tanda harga sebelum dan selepas SST dilaksanakan bagi membantu 'mendidik' pengguna mengenai barang yang dikenakan atau dikecualikan cukai tersebut.

"Ini kerana selepas tiga hari dilaksanakan, telah kedengaran



KHAIRUL AZWAN HARUN

kemarahan rakyat apabila ada barang yang dikecualikan SST naik harganya berikutan peniaga mengambil kesempatan di atas pelaksanaan cukai itu dengan memindahkannya kepada pengguna.

"Oleh sebab itu, saya minta kerajaan supaya benar-benar men-

jalankan penguatkuasaan untuk memastikan rakyat terbela. Terutamanya pamerkan harga barangan yang dijual, pamerkan harga perbandingan supaya rakyat tidak diperdaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan usul menjunjung kasih titah ucapan Yang di-Pertuan Agong dalam sidang Dewan Negara hari ini.

Khairul Azwan turut mencadangkan kepada kerajaan supaya memberi fokus kepada mengeluarkan lebih banyak bas yang menggunakan tenaga elektrik berbanding meneruskan hasrat membangunkan projek kereta nasional ketiga.

Beliau percaya, Malaysia sepatutnya menjadi pembangun teknologi transit aliran ringan (LRT) dan bukannya mengimport teknologi itu dari negara luar dalam usaha meningkatkan jaringan sistem pengangkutan.

**Pekeliling
Perbendaharaan**



■ BISNES

■ AGENSI

■ WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 14 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216